



## SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

### SHAME IS FROM IMAN MALU DARI IMAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,  
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,  
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,  
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,  
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.  
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Junjungan kita Rasulullah ﷺ bersaba dengan maksud nya, “Lakukan apa sahaja yang anda mahu jika anda tidak ada perasaan malu” Sifat malu adalah ‘Haya’ dan Haya adalah dari Islam. Orang yang tidak ada Haya tidak ada perasaan malu. Apa yang kami maksudkan dengan perasaan malu ialah melakukan sesuatu maksiat atau kejahatan tanpa segan silu. Iman mereka lemah.

Tiada kesalahan untuk bergaul secara kebiasaan dan berbual dengan orang. Tidak perlu untuk bersegaran silu. Tetapi jika sesuatu perkara maksiat atau kejahatan dilakukan, orang biasa, orang orang Muslim dan orang bertakwa kepada Allah ﷻ akan merasa malu. Orang yang takut kepada Allah ﷻ akan merasa malu bagaimana mereka boleh melakukan perkara malu itu. Tetapi orang yang tidak malu, yang tidak takut kepada Allah, dan tidak takut dengan Rasulullah ﷺ, dan tiada perasaan segan silu boleh buat apa sahaja.

Perasaan malu adalah suatu perkara yang baik yang mempamerkan seorang Muslim yang baik. Orang yang bukan Muslim jarang ada sifat ini. Mereka melaungkan Kebebasan dan boleh melakukan segala perkara. Tetapi bila kebebasan itu mengecam kepentingan mereka, mereka akan menghukumkan orang.

Perkara yang baik jika orang Muslim menghukum antara mereka. Jangan buat maksiat atau kemungkaran untuk menyelamatkan diri dari perasaan Malu. Sesiapa yang tidak malu di dunia ini akan di persoalkan di depan Tuhan Semesta Alam di hari akhirat.

Itu lah sebab moga Allah ﷻ jangan tarik perasaan malu dari diri kita. Kerana “Al Haya minal Iman”. Haya dan sifat segan silu adalah dari Iman. Kita tidak akan melaku perkara yang jahat dan terjerumus ke situasi Malu, InsyaAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.  
Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil



**SOHBAH OLEH**  
**HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI**

23 February 2016/14 Jumada al-Awwal 1437  
Sabah Namaz, Akbaba Dargah